

**KECENDERUNGAN KERJAYA SEBAGAI USAHAWAN DI KALANGAN
PELAJAR BUMIPUTERA DI POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
KUANTAN, PAHANG.**

ROSILAWATI BINTI MOHD ARIPIN

Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

25 SEPTEMBER, 2002

DEDIKASI

*Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta : Abdullah Halim,
buah hati ummie : Muhammad Arif, ayahanda dan bonda yang dihormati: mak,
abah, ma, ayah serta adik-adik tersayang yang telah banyak menyumbang bakti
dalam memberi dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bagi sepanjang
pengajian di KUiTTHO dan sepanjang pelaksanaan penulisan projek sarjana ini.*

*Salam sayang selalu. Semoga pengorbanan dan keikhlasan kalian akan mendapat
ganjaran daripada Allah s.w.t di dunia dan akhirat.*



PENGHARGAAN

“ Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani”.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan segala limpah kurnia dan rahmatNya, saya telah berjaya menghasilkan projek sarjana ini mengikut perancangan yang ditetapkan.

Sekalung penghargaan ikhlas ditujukan kepada Encik Kamarudin bin Khalid selaku penyelia projek sarjana di atas segala bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar yang amat berguna sepanjang tempoh penulisan kajian kes ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah penilai, Tuan Haji Ali bin Suradin, pensyarah-pensyarah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional serta pihak-pihak yang telah memberi sumbangan yang bermanfaat dari segi bimbingan dan tunjuk ajar sebelum ini.

Tidak lupa juga sekalung ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah memberi sokongan serta dorongan dan responden-responden yang terlibat dalam kajian ini. Adalah diharapkan semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada semua pihak.

ABSTRAK

Usahawan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Walau bagaimanapun, jika dilihat senario sekarang, masih ramai Bumiputera yang kurang berminat untuk menceburjidi bidang keusahawanan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidik tentang tahap kecenderungan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar Bumiputera tahun akhir Diploma Akauntansi Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan (POLISAS). Secara khususnya, kajian ini akan menyelidik sejauh mana cita-cita pelajar Bumiputera untuk menjadi seorang usahawan dipengaruhi oleh ciri-ciri peribadi pelajar, faktor keluarga, faktor pengajian, pengalaman kerja dan faktor persekitaran. Responden kajian terdiri daripada pelajar Bumiputera POLISAS iaitu seramai 51 orang. Data dikumpul menggunakan soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan prosedur Ujian T, Crosstabs dan Korelasi Pearson melalui perisian SPSS (*Statistical Package For Social Sciences*). Dapatkan kajian menunjukkan hanya faktor persekitaran (iaitu faktor pihak yang paling mempengaruhi pelajar untuk bermula) yang dapat menarik minat pelajar untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Faktor-faktor lain didapati kurang memberikan sumbangan dalam menarik minat pelajar untuk cenderung kepada bidang keusahawanan. Oleh itu, beberapa cadangan telah dibuat bagi menangani masalah ini agar kaum Bumiputera tidak jauh ketinggalan berbanding kaum lain dan seterusnya memenuhi hasrat kerajaan dalam merealisasikan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang masih belum dicapai sepenuhnya hingga ke hari ini.

ABSTRACT

Entrepreneurs play an important role in developing an economic nation. However, in today's scenario, there are still lots of "Bumiputera" who have little interest in entrepreneurship. This study is about the level of career interest as an entrepreneur among final year "Bumiputera" students in Diploma of Accountancy in Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Kuantan. The study is to look at how far the ambition of "Bumiputera" students to be an entrepreneur is influenced by student's characteristic, family factor, study factor, work experience and environment factor. A sample of 51 "Bumiputera" students of POLISAS were involved in this research. The data was collected by using questionnaire and being analyzed using T-Test, Crosstabs and Pearson Correlation procedures through SPSS software (Statistical Package For Social Sciences). The results showed that environment factor (which is group of successful entrepreneur that influenced students' interest to start a business) has attracted student interest to be involved in entrepreneurship compared to another factors. Therefore several suggestions have been pointed out as approached solutions to solve these circumstances yet to narrow the existing socioeconomic gap between other ethnic groups who are actively involved in business field between Bumiputera and Non-Bumiputera and indirectly fulfills the government wills to achieve New Economic Policy goals.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xii
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xv



BAB I	PENDAHULUAN	1
--------------	--------------------	----------

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Batasan Kajian	10
1.5	Tujuan Kajian	10
1.6	Sebab-Sebab Kajian	11
1.7	Persoalan Kajian	11
1.8	Definisi Istilah	12

BAB II	SOROTAN PENULISAN	14
---------------	--------------------------	-----------

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kajian-Kajian Lepas	15
2.3	Rumusan	23

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	25
----------------	--------------------------	-----------

3.1	Pengenalan	25
3.2	Kajian Rintis	25
3.3	Sampel Kajian	26
3.4	Instrumen Kajian	27
3.5	Pengumpulan Dan Pengelolaan Data	27

3.6	Kaedah Penyelidikan	28
3.7	Keadah Penganalisan	28
BAB IV	ANALISIS DATA DAN DAPATAN	30
4.1	Pengenalan	30
4.2	Mengetahui Sejauh Mana Faktor Ciri-Ciri Peribadi Mempengaruhi Minat Pelajar Bumiputera Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan	31
4.2.1	Perbezaan Ciri-Ciri Peribadi Berdasarkan Jantina Pelajar	32
4.2.2	Perbezaan Ciri-Ciri Peribadi Berdasarkan Umur Pelajar	32
4.2.3	Perbezaan Ciri-Ciri Peribadi Berdasarkan Bangsa Pelajar	33
4.2.4	Perbezaan Ciri-Ciri Peribadi Berdasarkan Agama Pelajar	34
4.3	Mengetahui Sejauh Mana Faktor Keluarga Mempengaruhi Minat Pelajar Bumiputera Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan	36
4.3.1	Hubungan Antara Kedudukan Dalam Keluarga Dengan Kuasa	37
4.3.2	Hubungan Antara Pendapatan Bulanan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Bidang Pengajian	40
4.3.3	Hubungan Antara Pendidikan Tertinggi Bapa Atau Penjaga Dengan Pemilihan Bidang Pengajian	41

4.3.4	Hubungan Antara Pendidikan Tertinggi Ibu Dengan Pemilihan Bidang Pengajian	43
4.3.5	Hubungan Antara Pekerjaan Utama Bapa/Penjaga Dengan Galakan Mengikuti Bidang Keusahawanan	45
4.3.6	Hubungan Antara Pekerjaan Utama Ibu Dengan Galakan Mengikuti Bidang Keusahawanan	47
4.4	Mengetahui Sejauh Mana Faktor Pengajian Mempengaruhi Minat Pelajar Bumiputera Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan	49
4.4.1	Hubungan Antara Faktor Pengajian Dengan Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	50
4.5	Mengetahui Sejauh Mana Faktor Pengalaman Kerja Mempengaruhi Minat Pelajar Bumiputera Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan	52
4.5.1	Hubungan Antara Faktor Pengalaman Kerja Dengan Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	52
4.6	Mengetahui Sejauh Mana Faktor Persekitaran Mempengaruhi Minat Pelajar Bumiputera Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan	54
4.6.1	Hubungan Antara Faktor Pihak Yang Paling Mempengaruhi Pilihan Untuk Berniaga Dengan Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	55
4.6.2	Hubungan Antara Faktor Lokasi Tempat Tinggal Dengan Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	57

BAB V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	60
--------------	--------------------------------	-----------

5.1	Pengenalan	60
5.2	Kesimpulan	61
5.3	Cadangan	68
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	75

RUJUKAN**LAMPIRAN**

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.2.1	Jadual Ujian T Bagi Menganalisis Ciri-Ciri Peribadi Berdasarkan Jantina	32
4.2.2	Jadual Ujian T Bagi Menganalisis Ciri-Ciri Peribadi Berdasarkan Umur Pelajar	33
4.2.3	Jadual Ujian T Bagi Menganalisis Ciri-Ciri Peribadi Berdasarkan Bangsa Pelajar	33
4.2.4	Jadual Ujian T Bagi Menganalisis Ciri-Ciri Peribadi Berdasarkan Agama Pelajar	34
4.3	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	37
4.3.1 (a)	Jadual <i>Crosstabulation</i> Bagi Hubungan Dalam Keluarga Dengan Kuasa	38
4.3.1 (b)	Jadual Korelasi Pearson	38
4.3.2 (a)	Jadual <i>Crosstabulation</i> Bagi Hubungan Pendapatan Bulanan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Bidang Pengajian	40
4.3.2 (b)	Jadual Korelasi Pearson	40

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.3.3 (a)	Jadual <i>Crostabulation</i> Bagi Hubungan Pendidikan Tertinggi Bapa/Penjaga Dengan Pemilihan Bidang Pengajian	42
4.3.3 (b)	Jadual Korelasi Pearson	42
4.3.4 (a)	Jadual <i>Crostabulation</i> Bagi Pendidikan Tertinggi Ibu Dengan Pemilihan Bidang Pengajian	44
4.3.4 (b)	Jadual Korelasi Pearson	44
4.3.5 (a)	Jadual <i>Crostabulation</i> Bagi Pekerjaan Utama Bapa/ Penjaga Dengan Galakan Mengikuti Bidang Keusahawanan	45
4.3.5 (b)	Jadual Korelasi Pearson	46
4.4	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	49
4.4.1	Jadual Korelasi Bagi Hubungan Antara Faktor Pengajian Dengan Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	50
4.5.1	Jadual Korelasi Bagi Hubungan Antara Faktor Pengalaman Kerja Dengan Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	52
4.6.1 (a)	Jadual Kekerapan Bagi Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	55
4.6.1 (b)	Jadual Kekerapan Bagi Pihak Yang Paling Mempengaruhi Pilihan Berniaga	55
4.6.1 (c)	Jadual Korelasi Hubungan Antara Faktor Pihak Yang Paling Mempengaruhi Pilihan Untuk Berniaga Dengan Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	56

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.6.2 (a)	Jadual Kekerapan Bagi Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	57
4.6.2 (b)	Jadual Kekerapan Bagi Lokasi Tempat Tinggal	57
4.6.2 (c)	Jadual Korelasi Bagi Hubungan Antara Faktor Lokasi Tempat Tinggal Dengan Keinginan Mempunyai Perniagaan Sendiri	57



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

A

Borang Soal Selidik

B

Keputusan Alpha Cronbach - Kajian Rintis



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Minat kerjaya ditakrifkan sebagai satu gagasan psikologikal yang berbeza-beza mengikut dorongan dan insentif tertentu selari dengan matlamat hidup seseorang.

Secara mudah minat kerjaya boleh ditakrifkan sebagai minat individu terhadap jenis-jenis pekerjaan atau bidang-bidang pengajian tertentu. Menurut Dr. Sidek Mohd. Noah dalam artikelnya bertajuk “Kenalpasti Minat Kerjaya Remaja” telah mengutarakan pendapat seorang pakar kerjaya terkenal, John L.Holland yang telah mengkategorikan minat kerjaya kepada enam bidang utama iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Keusahawanan dan Konvensional. Setiap satu bidang minat ini mempunyai ciri-ciri kelainan dan keunikan masing-masing (Dewan Kosmik, Oktober 2001).

Salah satu kategori minat kerjaya yang telah dinyatakan oleh John L.Holland adalah bidang keusahawanan. Bertepatan dengan ini, pengkaji ingin memfokuskan kepada kaum Bumiputera yang masih kurang dari segi berdikari untuk mengusahakan

perniagaan. Kebanyakan Bumiputera hanya mengharapkan kerja makan gaji dengan kerajaan, pihak swasta atau badan berkanun.

Senario ini berbeza jika dibandingkan dengan golongan bukan bumiputera khususnya kaum Cina yang lebih suka berusaha sendiri dengan menjalankan perniagaan. Sebenarnya melalui perniagaan seseorang itu boleh mendapatkan keuntungan yang lumayan berbanding dengan bekerja makan gaji walaupun terdapat risiko yang mungkin berlaku.

Jika dilihat daripada perspektif Islam, kekuatan umat Islam dilihat dalam ekonomi terutama perniagaan. Hadis Rasulullah s.a.w turut mengingatkan tentang sembilan per sepuluh sumber rezeki adalah datangnya dari perniagaan. Jika diamati peringatan ini, nescaya umat Islam memahami hikmah memilih kerjaya sebagai usahawan. Islam sendiri melihat bidang perniagaan tidak hanya sebagai aktiviti mengaut keuntungan tetapi juga membentuk ummah yang kukuh dan berkualiti.

Bagi memastikan kaum Bumiputera tidak hanya bergantung kepada kerja makan gaji, kerajaan telah menujuhkan badan-badan tertentu untuk memberi insentif atau subsidi kepada Bumiputera yang berminat untuk menjalankan perniagaan. Sebagai contoh, sebahagian kecil nelayan diberi bantuan enjin untuk memudahkan hasil tangkapan didapati dengan lebih banyak.

Dalam bidang akademik, kerajaan telah menujuhkan pusat pengajian tinggi dan pusat-pusat kemahiran seperti universiti, politeknik, IKBN (Institut Kemahiran Belia Negara), IKM (Institut Kemahiran MARA), ILP (Institut Latihan Perindustrian), IPM (Institut Perdagangan MARA), ADTEC (Pusat Kemahiran Teknologi Tinggi) dan sebagainya.

Pelaburan modal oleh kerajaan dalam bidang pendidikan selain untuk menyelesaikan masalah kemiskinan, ia juga bertujuan untuk melahirkan bakal usahawan Bumiputera melalui pendidikan. Ramai pelajar Bumiputera khususnya Melayu telah berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti tempatan mahupun luar negeri dengan mengikuti kursus pengurusan perniagaan, sains, teknologi dan lain-lain kursus. Setelah menamatkan pengajian, ada antara pelajar memilih untuk menceburi bidang perniagaan seperti menjadi kontraktor kecil, berniaga, membuka klinik sendiri dan lain-lain.

Tajuk kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauh mana pilihan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar Bumiputera dan kecenderungan serta minat mereka untuk menjurus ke dalam bidang keusahawanan

1.2 Latar Belakang Masalah

Kemiskinan sebenarnya sudah lama wujud, sejak berabad-abad lalu dalam minda dan masyarakat di alam Melayu. Keadaan ini memberikan alamat tentang betapa signifikannya fenomena kemiskinan di Malaysia, khasnya di kalangan kaum Melayu.

Apabila berlaku peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan telah menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menjadikan pembasmian kemiskinan sebagai salah satu objektif utamanya. Di samping itu, kerajaan turut mewujudkan dasar penyusunan semula masyarakat yang bertujuan untuk menarik minat orang Melayu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengangkat

martabat usahawan Melayu yang telah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan atau sederhana ke taraf usahawan yang lebih besar dan bertaraf korporat.

Peruntukan kerajaan yang paling besar adalah untuk pendidikan, khususnya untuk membantu anak-anak keluarga miskin dan sederhana Melayu di luar bandar mendapat pendidikan hingga ke peringkat universiti. Di samping memberikan biasiswa dan pinjaman, kerajaan juga telah mendirikan puluhan sekolah berasrama dan melancarkan beberapa program khas, seperti program matrikulasi sains asasi, sebagai program pintas, untuk mempercepatkan mereka ke universiti dalam dan luar negeri. Para graduan ini kembali bertugas dengan pihak kerajaan atau di sektor swasta dan ada yang berjaya menjadi peniaga bertaraf korporat atau setidak-tidaknya menjadi seorang usahawan yang berilmu hasil daripada pendidikan yang mereka perolehi.

Program membasmi kemiskinan yang dilancarkan oleh kerajaan bukan hanya bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan bahkan juga sekaligus untuk menambah bilangan usahawan Melayu. Seperti kata pepatah, usaha ini tidak ubah seperti “sekali berkayuh dua tiga pulau terlangsung”, yakni dengan pelaksanaan satu projek besar, seperti projek pendidikan ini, banyak hasil nyata yang dapat diraih.

Walaupun pihak kerajaan telah bertungkus-lumus melaksanakan dasar-dasar untuk membantu masyarakat Melayu khususnya usahawan Bumiputera namun sehingga kini masih terlalu kurang orang-orang Melayu menceburi bidang perniagaan mahupun berminat untuk menjalankan perniagaan. Ini mungkin disebabkan terdapatnya faktor kurang motivasi di kalangan masyarakat Melayu yang berpunca daripada timbulnya banyak berita mengenai kegagalan usahawan Bumiputera khususnya Melayu dalam bidang perniagaan. Datuk Seri Dr. Mahathir dalam Perhimpunan Agong UMNO kali ke-55 telah mengakui tentang kelemahan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Orang Melayu masih gagal untuk mencapai 30 peratus daripada kekayaan negara walaupun

telah berusaha selama 30 tahun (Usahawan Sukses, Julai-Ogos 2001). Oleh yang demikian, walaupun mempunyai minat untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan tetapi mereka masih kurang keyakinan dan tidak bersedia menghadapi sebarang risiko perniagaan.

Selain daripada itu, peniaga Bumiputera juga telah dikenalpasti mempunyai masalah dari segi kekurangan ilmu pengetahuan, pengalaman dan modal dalam memulakan serta menguruskan perniagaan. Rozali Ishak (Usahawan Sukses, Januari-Februari 2001) seorang peserta kursus Program Usahawan Teknikal (PUTEK) berpendapat masalah modal dan tiada pengalaman menjadi halangan bagi Bumiputera untuk menjalankan perniagaan. Keadaan ini menyebabkan mereka mudah terperangkap dalam tipu helah perniagaan, mudah leka dan tiada sokongan dari segi kewangan sekiranya berlaku sesuatu terhadap perniagaan mereka ataupun untuk memperbesarkan dan memperkembangkan perniagaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Seperti yang diketahui, usahawan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Menurut Mohd Amir Sharifuddin Hashim (1992), peranan usahawan dalam pembangunan ekonomi mula menarik perhatian ahli-ahli ekonomi sejak ianya dikemukakan oleh Richard Cantellon dalam tahun 1805. Kini usahawan merupakan faktor yang paling kritikal dalam membangunkan ekonomi negara.

Selari dengan wujudnya Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, kerajaan sentiasa mengambil berat dan

berusaha untuk memberikan sokongan dan galakan kepada golongan Bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan (Dewan Budaya, September 2001).

Beberapa persoalan yang perlu difikirkan ialah mengenai program Dasar Ekonomi Baru yang telah tamat tempohnya pada tahun 1990 lalu. Apakah masyarakat dapat memenuhi hasrat dasar tersebut? Berjayahkah negara menghasilkan usahawan Bumiputera yang berdaya maju, berdaya saing dan mempunyai daya ketahanan yang tinggi dalam menghadapi keadaan ekonomi negara pada masa kini dan masa depan?

Menurut Abu Hassan (1991), ketiadaan ahli-ahli perniagaan yang betul-betul mahir dalam bidang pengurusan adalah faktor terpenting yang membawa kepada kegagalan Bumiputera merealisasikan sepenuhnya matlamat Dasar ekonomi Baru (DEB). Hakikat ini beberapa kali telah disuarakan oleh pemimpin-pemimpin negara, malangnya ia tidak kesampaian.

Perdana Menteri dalam ucapannya ketika merasmikan Eksponiaga (pameran barang-barang yang dibuat oleh syarikat-syarikat Bumiputera) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), telah menasihatkan usahawan Bumiputera agar tidak terlalu mengharapkan kepada kerajaan untuk menolong dan mentadbirkan perniagaan mereka sekiranya mereka mahu terus berjaya dalam lapangan yang diceburi (Abu Hassan Adam, 1991).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pengurusan Bitara Ipoh, Nordin Abdul Malek (Usahawan Sukses, Januari-Februari 2001) berpendapat seseorang usahawan perlu mempunyai ciri-ciri seperti berikut :,

1. Daya kreativiti yang tinggi

Sifat kreatif membolehkan usahawan berupaya mengolah seni pemikiran untuk menarik minat orang lain serta mampu mewujudkan kelainan dengan orang lain dalam menghadapi persaingan masa kini.

Menurutnya lagi, sifat seni kreatif sememangnya telah wujud dalam masyarakat Melayu tetapi mereka tidak pandai menginterpretasikan sifat semula jadi ini dalam perniagaan.

2. Mahu bekerja sebagai usahawan

Usahawan tidak boleh jemu berusaha dan berputus asa untuk menentukan *survival* perniagaan. Oleh itu, jika ada budaya mudah selesa dan terlalu banyak dalih untuk malas berusaha, maka mereka sebenarnya tidak memahami budaya kerja sebenar seorang usahawan. Komitmen kerja mengingatkan kepada pepatah Inggeris *In business, theres no day and night*.

3. Keupayaan mewujudkan nilai kemanusiaan

Hubungan kemanusiaan sangat penting dalam perniagaan kerana manusia adalah pelanggan dan pekerja yang akan menentukan *survival* perniagaan. Dalam perniagaan, aspek kemanusiaan merangkumi komunikasi yang meyakinkan, hubungan baik antara satu sama lain dan mewujudkan hubungan baik secara berkekalan. Dalam aspek

pengurusan perniagaan, keupayaan memimpin pekerja secara adil, telus dan berkesan membolehkan syarikat bergerak mengikut haluan yang sewajarnya.

4. Nilai positif

Sebagai seorang yang berhadapan dengan risiko, usahawan mesti mempunyai nilai positif yang sangat kuat terhadap sesuatu perancangan dan tindakan. Walaupun analisis negatif perlu dibuat bagi mengimbangi risiko perniagaan, ini bukanlah bermaksud sehingga gagal mewujudkan nilai-nilai positif. Contoh sifat positif yang mudah ialah melihat sesuatu yang mungkin sukar bagi sesetengah pihak sebagai perkara yang tidak mustahil bagi usahawan. Kesannya, individu akan mencari jalan untuk menjayakan matlamat perniagaan berkenaan.

Pemikiran yang terlalu negatif sangat bahaya dalam perniagaan kerana boleh mewujudkan ketidakyakinan diri, kaki tangan dan organisasi perniagaan secara keseluruhannya.

5. Mempunyai keyakinan diri

Kata-kata ‘membujur lalu, melintang patah’ perlu sinonim dengan usahawan kerana keyakinan yang tinggi membolehkan usahawan terus mara ke hadapan tanpa halangan. Keyakinan akan membangkitkan rasa tidak putus asa yang merupakan sifat kental yang mesti ada dalam diri usahawan.

Berdasarkan kesemua faktor-faktor di atas, kejayaan hanya boleh dicapai dengan adanya ilmu pengetahuan yang cukup dan sifat yang meyakinkan yang boleh membawa kepada lahirnya seorang usahawan yang berjaya. Ilmu pengetahuan tersebut boleh didapati melalui pelajaran dan pengalaman semasa berada di peringkat pengajian lagi.

Seperti yang diketahui jumlah penyertaan Bumiputera dalam bidang keusahawanan masih rendah. Sehingga sekarang segala usaha oleh pihak kerajaan untuk memajukan golongan Bumiputera belum begitu berjaya.

Dalam usaha menambahkan lagi bilangan usahawan Bumiputera, kerajaan telah juga menggubal Dasar Kewangan Negara 1997 yang memberi tumpuan kepada mewujudkan satu persekitaran yang menyokong perkembangan bidang perniagaan. Selain itu, kerajaan turut menyediakan pelbagai kemudahan untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (Faridah Mariani dan Widad, 1998).

Dengan melihat kepada peri pentingnya usahawan dalam kemajuan negara maka pengkaji berminat untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan dengan pemilihan kerjaya sebagai usahawan dan minat yang tertanam dalam jiwa remaja sejak dibangku persekolahan atau di institusi pengajian tinggi di kalangan pelajar-pelajar Bumiputera. Ini memandangkan betapa perlunya semua pihak untuk menyahut seruan kerajaan bagi menghasilkan usahawan-usahawan terutama usahawan Bumiputera yang berjaya.

Pengkaji akan mengkaji dari segi beberapa faktor sama ada faktor tersebut boleh mempengaruhi minat dan pilihan kerjaya pelajar sebagai seorang usahawan.

1.4 Batasan Kajian

Kajian dijalankan di kalangan pelajar-pelajar Bumiputera dari jurusan perakaunan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang Darul Makmur. Pelajar Bumiputera yang dipilih sebagai responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir peringkat diploma.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengkaji serta meninjau permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan kecenderungan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar Bumiputera di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan.

Melalui kajian ini adalah diharapkan dapat memberi gambaran kasar tentang scenario masa kini dari segi sejauh mana kecenderungan pelajar Bumiputera untuk menjadi usahawan setelah menamatkan pengajian kelak.

Di samping itu adalah difikirkan bahawa kajian ini perlu sebagai garis panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengenal pasti sejauh mana faktor-faktor yang dikaji dapat mempengaruhi pilihan kerjaya pelajar Bumiputera sebagai usahawan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui permasalahan yang timbul yang menghalang minat pelajar Bumiputera untuk menjalankan perniagaan pada masa hadapan serta meninjau tentang faktor-faktor yang mendorong pelajar Bumiputera memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan.

RUJUKAN

Abang Ahmad Zulkipli (Mei-Jun 2001). Kaunselor Perniagaan Era K-Ekonomi Perlu Persediaan Strategik. "Usahawan Sukses" : 54-55.

Abu Hassan Adam (1991)."Menghala Wawasan 2020."Kuala Lumpur : Arena Ilmu Sdn Bhd.

Ahmad Esa (1997). " Ciri-Ciri Guru Sebagai Pemimpin Daripada Sudut Pandangan Pelajar : Satu Kajian Kes Di Sek. Men. Keb. Pasir Gudang (1), Johor Bahru, Johor." Tesis Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan, UTM.

Ahmad Idriss Mohd. Noor (1988). "Dasar Ekonomi Baru." Selangor : IBS Buku Sdn Bhd.

Ahmad Kamil Mohamed (2000). "Melayu Gagal Berniaga Kerana Melayu Juga." Dicapai pada 28 Ogos 2002, dari http://www.angelfire.com/ut/uitm_segamat/ahmad.htm

Akademik Sahaja Tidak Cukup Tentukan Ahli Korporat Berjaya (13 Mei 2002). “Utusan Malaysia”.

Amran Ahmad (13 Februari 2002). Usah Beri Peluang Kedua Usahawan Melayu Malas. “Utusan Malaysia”.

Ariffin Yasin (18 Mei 2002). Mikrofilem Pilihan Utama. “Bacaria”. Edisi Sabtu.

Bambang Gunawan (t.t.). “Anak Tunggal Dalam Keluarga Dan Masyarakat.” Dicapai pada 28 Ogos 2002, dari
<http://www.bpkpenabur.or.id/kps-jkt/p4/ava/bambang/tunggal.htm>

Cina Tidak Pertikai Hak Melayu (17 Jun 2002). “Utusan Malaysia”.

Ekonomi Melayu Masih Lemah (Julai-Ogos 2001). “Usahawan Sukses”: 42-44.

Faridah Mariani Johari dan Widad Othman (1998). “Faktor Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Di SMK Sultan Omar, Dungun, Terengganu.” dlm “Pendidikan Untuk Kecemerlangan Menjelang Alaf Baru.” : Seminar Kebangsaan Pendidikan.

Hilter Yew (12 Januari 2002). Mahu Berniaga Tetapi Belum Bersedia. “Berita Harian”.

Iskandar Astar (2 Julai 2002). Dua Cara Untuk Kejutkan Melayu. "Utusan Malaysia".

Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000)."Takkan Melayu Hilang Di Dunia."Subang Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Jangan Takut Jadi Usahawan Elektronik (22 Julai 2002). "Utusan Malaysia".

Kontraktor Bumiputera Masih Lemah (Mei-Jun 2001). "Usahawan Sukses" : 36.

Maznah Mohd. Arsal (14 Ogos 2002). Usahawan Melayu Perlu Amal '5 resepi'. "Utusan Malaysia".

Mengubah Minda Melayu (19 Jun 2002). "Utusan Malaysia".

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999)."Penyelidikan Pendidikan." Skudai : UTM.

Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 For Windows." Kuala Lumpur : Venton Publishing.

Mohd. Amir Sharifuddin Hashim (1992)."Sumber Usahawan Bumiputera ; Peranan Universiti." dlm. Chamhuri Siwar et.al."Ekonomi Bumiputera Selepas 1990." Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. 199-219.

Noor Azmah Ibrahim (7 Februari 2002). Usahawan Wanita : Penyambung Pertumbuhan Ekonomi Negara. "Utusan Malaysia".

Nordin Abdul Malek (Januari-Februari 2001). Usahawan Sebagai Kerjaya. "Usahawan Sukses".

Nordin Abdul Malek (Mac-April 2001). Faktor Kejayaan Modal Atau Keusahawanan. "Usahawan Sukses" : 56-57.

Peniaga Melayu Kurang Di Gedung Beli-Belah (Mei-Jun 2001). "Usahawan Sukses" : 16-18.

Persepsi Negatif Golongan Bumiputera (Mei-Jun 2001). "Usahawan Sukses" : 19-20.

PM Saran Usahawan IKS Muhasabah Diri (Mac-April 2001). "Usahawan Sukses" : 36.

Rahmah Saad (Mac-April 2001). Mencipta Kejayaan Perlukan Kegigihan. "Usahawan Sukses" : 2-3.

Ruhaiza Rusmin (30 Mei 2002). Semangat Waja Sulam Kejayaan. "Harian Metro".

Salaudin Ahmad (Januari-Februari 2001). Lepasan PUTEK Disaran Berniaga Selepas Kursus. "Usahawan Sukses" : 12-14.

Salaudin Ahmad (September-Okttober 2001).MEDEC Lahirkan Usahawan Berilmu.
“Usahawan Sukses” : 34-35.

Salina Ibrahim (19 Jun 2002). Melayu Cemerlang : Jangan Sekadar Retorik. “Utusan Malaysia”.

Shamsul Amri Baharuddin (September 2001). Kemiskinan Antara Idea Dengan Kenyataan. “Dewan Budaya” : 10-12.

Sidek Mohd. Noah (Okttober 2001).Kenalpasti Minat Kerjaya Remaja. “Dewan Kosmik” : 32-33.

Sulaiman Ngah Razali (1991).”Penggunaan Statistik Dalam Penyelidikan Pendidikan.” Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ubah Sikap Untuk Maju (Januari-Februari 2001). “Usahawan Sukses” : 31.

Wanita Perlu Berilmu Untuk Lahir Generasi Berwawasan (26 Ogos 2002). “Utusan Malaysia”.